

**Belia Sokong Najib Teruskan Transformasi  
Bernama  
28 April, 2013**

KUALA SELANGOR, 28 April (Bernama) -- Generasi belia di Bestari Jaya, Ijok dan Kuala Selangor secara terbuka menyatakan sokongan mereka terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak untuk meneruskan agenda transformasi negara.

Rata-rata mereka yang ditemui berkata Najib mampu membawa lebih banyak pembaharuan dalam lima tahun akan datang dan meletakkan Malaysia sebagai negara contoh di rantau ini.

C. M. Ganesh, 37, berkata dasar transformasi Najib sejak 2009 telah membuktikan kepada dunia bahawa beliau seorang pemimpin unggul.

"Walaupun banyak negara menghadapi pelbagai masalah, Perdana Menteri kita berjaya melaksanakan transformasi secara keseluruhan, dengan mengambil kira kepentingan semua lapisan masyarakat.

"Masyarakat India begitu yakin dengan kepimpinan beliau. Slogan 'Nambikkai' begitu meyakinkan kita. Beliau akan menjamin masa depan kita yang cerah," katanya.

Siti Noriah Ibrahim, 23, berkata Najib perlu diberi peluang lima tahun lagi bagi membolehkan beliau melaksanakan semua pelan pembangunan dan dasar transformasi.

"Kalau dalam empat tahun sahaja beliau boleh lakukan begitu banyak pembaharuan, beliau sudah pasti akan membawa lebih banyak perubahan lagi. Jadi kita kena bagi peluang lima tahun ini," katanya.

Lim Chin Yew, 27, berkata sebagai pemimpin berjiwa rakyat, Najib hanya akan memastikan rakyat negara ini terus maju dan berjaya.

"Najib pasti akan membawa lebih banyak kemajuan kepada negara kita. Beliau Perdana Menteri berwawasan. Kita harus beri beliau satu penggal penuh untuk mentadbir negara ini. Saya harap beliau akan membawa lebih banyak kejayaan yang memanfaatkan rakyat," katanya.

Mereka bersetuju jika Barisan Nasional (BN) tidak diberikan mandat majoriti dua pertiga pada pilihan raya umum ke-13 ini, Najib mungkin menghadapi kesukaran meneruskan agenda transformasi negara secara lebih berkesan.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=945896>